

## PENGAKUAN

Saya mengaku ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbemya

01 HB. APRIL 2010



(MOHD ZULKIFLI BIN MAT SALLEH)  
M20072000741

## PENGHARGAAN

### **Buat Isteri Tercinta Norasyikin Juhari**

Terima kasih tidak terhingga di atas dorongan dan semangat yang diberikan sepanjang tempoh pengajian di peringkat Sarjana ini

### **Buat Anak-anak Yang Amat Disayangi**

Amirul Firdaus, Alif Irsyad, Adam Fahmi, Azim Haikal, Amjad Harith

### **Buat Ibu tersayang Zaharah bt Dollah**

Terima Kasih di atas pengorbanan dan sokongan

### **Penyelia**

### **Prof Madya Hj. Mohd Zahidee Arshad**

Terima Kasih di atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penulisan ini

### **Pensyarah-Pensyarah**

Prof. MadyaHaji Iberahim Hassan, Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi, Dr. Ahmad Suhaimi Mohd Noor, Dr. Roskang Jailani

### **Staf Fakulti Seni Dan Muzik dan Pasca Siswazah UPSI**

### **Saudara Mara Dan Rakan Seperjuangan**

Terima Kasih di atas pertolongan dan sokongan

### **Terima Kasih Semua**

### **Jasa Kalian Tetap Di Kenang Sepanjang Hayat**

## ABSTRAK

### **APRESIASI SENI CATAN MURAL: SATU KAJIAN KES DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BADAK, BACHOK, KELANTAN**

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji perkembangan pengkaryaan seni catan mural di Sekolah Menengah Kebangsaan Badak. Daripada tinjauan awal di lapangan penyelidik melihat keperluan untuk menyelidik apakah kesan yang mungkin ditbul hasil dari kewujudan catan mural terhadap kemampuan apresiasi Seni Visual dalam kalangan pelajar di sekolah tersebut. Menerusi kajian literatur penyelidik mendapati salah satu proses pendidikan ialah melalui pengalaman. Catan mural di sekolah menyediakan pengalaman visual kepada pelajar-pelajarnya. Sejauh mana catan mural di sekolah membantu kurikulum Pendidikan Seni Visual akan dapat ditentukan sekiranya satu kajian ilmiah berkaitan dijalankan. Kajian melibatkan 39 sampel murid, seorang guru Pendidikan Seni Visual dan seorang pentadbir. Penyelidik menemu bual 5 sampel murid terdiri dari pelajar-pelajar tingkatan satu hingga lima. Proses temu bual dilakukan di lokasi mural untuk melihat reaksi serta kemampuan interaksi pelajar dengan karya seni. Eksperimentasi pengajaran dan pembelajaran dilakukan besama 34 pelajar dari satu kelas tingkatan enam. Apresiasi seni membantu pelajar mengembangkan lagi pengetahuan Seni Visual dengan kemahiran mendiskripsi, menganalisis, menginterpretasi dan membuat penilaian terhadap karya seni. Seni mural merupakan objek yang dikaji dan apresiasinya merupakan subjek yang dibincangkan dalam penyelidikan ini secara mendalam. Keseluruhan kajian menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan maklumat secara terperinci mengenai sesuatu perkara. Dapatkan kajian seterusnya akan di analisis lalu dibentangkan satu rumusan dan cadangan-cadangan berdasarkan kajian ini.

## ABSTRAC

### APPRECIATION OF MURAL ART : A CASE STUDY IN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BADAK, BACHOK, KELANTAN

This research is done with the aim to study mural art progress at Sekolah Menengah Kebangsaan Badak. Early observation, researcher found a gap that compelled the researcher to administer a study investigating possible effect on mural painting and students' appreciation of visual art. Further reading on the topic revealed that experience is one of educating process. Mural painting at school provides a visual experience for the students. This study examines how far mural painting at school help to improve visual art curriculum. 39 students, a teacher, and a school administrator involve in this study. Researcher interviewed 5 from 1 to form 5 students. The interview sessions were held in front of mural painting in order to see students' ability to interact with art work. An experiment is conducted during art lesson with 34 form six students. Appreciation of art helps students gain knowledge on visual art and develop skills on describing, analyzing, interpretation, and assessing art. This study employs qualitative research method where students' appreciations on mural painting is discussed deeply. Research finding is analyzed and a few suggestions are presented.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
**KANDUNGAN**

**Muka Surat**

Pengakuan

ii

Penghargaan

iii

Abstrak

iv

Abstrac

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Latar Belakang	1
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Soalan Kajian	5
1.5	Batasan Kajian	
1.6	Kepentingan Kajian	
1.7	Definisi Operasional	7
1.7.1	Apresiasi	7
1.7.2	Seni	8
1.7.3	Catan	8
1.7.4	Mural	9

**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	11
2.2	Perkembangan Catan Mural	11
2.3	Perkembangan Apresiasi dan Kritikan Seni	13

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	16
3.2	Rekabentuk Kajian	16
3.3	Fokus Kajian	17
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	18
3.5	Instrumen Kajian	19
3.5.1	Pemerhatian Dan Perakaman Visual	19
3.5.2	Dokumen	20
3.5.3	Temubual	20
3.5.4	Soal selidik	21
3.6	Pro sedur Kajian	21
3.7	Pengumpulan Data dan Analisis Data	22
3.8	Kesimpulan	23

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	24
4.2	Dapatan Kajian	25
4.2.1	Dapatan dari perakaman visual	25
4.2.2	Dapatan dari semakan dokumen	25
4.2.3	a) Latar belakang imforman dan sampel	25
	b) Pengetahuan asas seni visual (murid)	27
4.2.4	Temubual bersama Penolong Kanan Pentadbiran dan guru pendidikan seni visual	28
	a) Temu bual bersama PKP	28
	b) Temubual bersama guru PSV	30
4.2.5	Temubual bersama sampel pelajar tingkatan satu hingga lima	32
4.2.6	Pemerhatian ketika sesi pengajaran dan pembelajaran bersama 34 pelajar tingkatan enam atas.	39

4.3	Analisis Data	43
4.3.1	Analisis foto dari perakaman visual	43
4.3.2	Analisis semakan dokumen	43
4.3.3	Analisa latar belakang sampel	44
4.3.4	Analisis Temu bual bersama PKP dan guru PSV	46
a)	Analisis temu bual bersama PKP	46
b)	Analisis temubual bersama guru PSV	48
4.3.5	Analisis temubual bersama sampel pelajar tingkatan satu hingga lima	50
4.3.6	Analisis pemerhatian aktiviti pengajaran dan pembelajaran	53
4.4	Laporan Temubual	48
4.4.1	Sikap Pelajar Terhadap Sesi Apresiasi	49
4.4.2	Pemahaman Tentang Konsep Sesi Apresiasi	50
4.4.3	Minat Terhadap Sesi Apresiasi Seni	52
4.4.4	Rumusan Keseluruhan Temubual	53
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	57
5.2	Rumusan	57
5.3	Cadangan	60
<b>RUJUKAN</b>		<b>63</b>

**LAMPIRAN**

LAMPIRAN I Foto dari lapangan

LAMPIRAN II Jadual Apresiasi Catan Mural

LAMPIRAN III Jadual Asas Seni Visual

LAMPIRAN IV Rancangan Pengajaran Harian

LAMPIRAN V Dokumentasi Pengkaryaan Mural SMK Badak

LAMPIRAN VI 10 salinan Jadual Apresiasi Catan Mural oleh sampel

## BAB SATU

### 1.1 Latar Belakang

Pendidikan Seni Visual (PSV) merupakan mata pelajaran wajib diajar di sekolah menengah, bagi peringkat menengah rendah di antara tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Di peringkat menengah atas pula, iaitu di tingkatan empat, lima dan enam ia menjadi mata pelajaran pilihan. Menurut Pusat perkembangan Kurikulum (PPK):

"Kurikulum Pendidikan Seni Visual disusun berdasarkan dua bidang iaitu Bidang Penghasilan Seni Visual serta Sejarah dan Apresiasi Seni Visual. Kedua-dua bahagian ini diharapkan dapat membantu murid dalam menguasai pelbagai kemahiran . Antara kemahiran yang akan dikuasai murid melalui pendidikan seni visual ialah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran berkomunikasi secara berkesan, kemahiran membuat pilihan dan keputusan yang tepat, kemahiran mencari, menginterpretasi dan mengaplikasi maklumat, kemahiran bekerjasama dan kemahiran pengurusan" (PPK, 2000:8).

Matlamat pengajaran PSV di sekolah ialah untuk membantu murid meningkatkan rasa kesyukuran terhadap tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran dan keindahan seni; manakala salah satu daripada objektif kurikulum PSV ialah untuk menghasilkan generasi yang menyedari dan menghargai suasana seni dalam persekitaran dan kaitan dengan keselesaan hidup.

Generasi yang celik dan menghargai seni memerlukan murid-murid mendapat pendedahan kepada persekitaran yang sesuai untuk mereka berkembang kearah itu. Sebelum proses kreatif berlaku dalam otak manusia, mereka memerlukan pengalaman yang berkaitan dengan subjek tersebut.

Jaffri Hanafi ( 2004 ) memetik Horowitz (1985) didalam bukunya '*More Than You See: A Guide to Art*' mentakrifkan seni sebagai satu bentuk konsep yang mengandungi unsur-unsur sokongan yang tertentu dan ia tidak mementingkan fakta-fakta yang berbentuk nyata dan realiti. Beliau juga menjelaskan seni itu adalah sesuatu objek yang dihasilkan oleh seseorang individu yang kreatif, mempunyai kualiti yang tertentu, ia merupakan rakaman pengalaman sebenar yang telah dilalui oleh individu itu.

Murid menimba pengalaman seni melalui aktiviti langsung di dalam kelas dan dengan mencerap persekitaran visual di sekeliling mereka secara tidak formal.

"Pendidikan merupakan proses transmisi secara formal dan tidak formal ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berlaku antara suatu generasi ke generasi yang lain atau dalam generasi yang sama" (Amir Hassan Dawi, 2002: 58).

Robiah dalam bukunya *Pemikiran Dalam Pendidikan* ,1998 memetik Bourner, Martin dan Race (1993) bahawa pengajaran dan pembelajaran secara pengalaman terjadi apabila pelajar memainkan peranan yang aktif. Pelajar terlibat secara langsung dalam situasi-situasi yang timbul atau ditimbulkan. Berasaskan pengalaman yang dilalui itu pelajar diberi peluang membuat perhitungan atau kesimpulan tentang perkara-perkara utama yang diajar oleh guru.

Banyak terdapat objek seni dalam persekitaran sekolah termasuk catan mural, lukisan, catan dan cetakan di bilik seni; area serta seni taman dan lanskap. Penyelidikan ini hanya akan meneliti seni catan mural di Sekolah Menengah Kebangsaan Badak (SMK Badak), Bachok, Kelantan untuk melihat keberkesanannya membantu kurikulum dari sudut apresiasi seni visual dalam kalangan khalayak di sekolah tersebut.

Apresiasi seni visual dapat membantu memupuk minat khalayak terhadap seni visual seterusnya membudayakannya dalam pemikiran mereka serta mampu menghargai keindahan. Menurut Syed Ahmad Jamal dalam Rupa dan Jiwa (199:1),

"Keindahan, suatu nilai yang wujud dalam pengamatan dan dianggap kebaikan yang muktamad bagi pembentukan nikmat. Schopenhauer berpendapat, keindahan memberi kepuasan terhadap kehendak sifat semula jadi manusia yang terpendam"

Aspirasi untuk mewujudkan masyarakat yang celik seni akan dapat dicapai melalui pendidikan. Wahana ini seterusnya akan membantu dalam mengembangkan lagi seni visual menjadi satu bidang yang mampu menyumbang dari segi ekonomi kerana masyarakat yang celik seni akan merancakkan aktiviti jual beli karya-karya seni. Sebagaimana pendapat Robiah Sidin :

"Tujuan kurikulum bukan sahaja untuk keperluan sosial atau membudayakan murid-murid dengan dunia fizikal dan sosialnya, tetapi untuk memenuhi objektif politik, ekonomi dan perdagangan negara juga bertujuan menyediakan warga mudah hidup dalam dunia yang pesat berubah, canggih tetapi tidak menentu" (Robiah Sidin, 1998: 15).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Sudah menjadi amalan biasa di sekolah-sekolah untuk memberi penekanan terhadap aspek keceriaan sekolah. Jawatan kuasa Kebersihan, Keselamatan dan Keceriaan sekolali (Jawatan kuasa 3K) merupakan satu unit penting dalam sistem organisasi sekolah termasuk di SMK Badak, yang menjadi lapangan penyelidikan ini. Salah satu aktiviti keceriaan di sekolah ialah menghasilkan catan Mural pada dinding-dinding utama menghadap ke arah khalayak yang ramai. Bertepatan dengan kehendak kurikulum PSV yang antaranya menyatakan:

"Bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual memberi tumpuan kepada pengalaman seni dalam kehidupan harian dan dalam budaya kebangsaan" (PPK, 2000:9).

Sementara objektif ke lima dalam huraihan sukanan PSV di sekolah menengah pula ialah mengaspirasikan hasrat agar pelajar mampu membuat diskripsi, analisis, interpretasi dan penilaian terhadap karya seni visual (PPK, 2002). Memandangkan objektif kurikulum PSV ialah untuk menghasilkan generasi yang celik seni, maka persekitaran sekolah mungkin memberi kesan kepada kesedaran, kefahaman, penghargaan serta apresiasi seni visual. Pelbagai perancangan untuk mengindahkan persekitaran sekolah dibuat saban tahun, namun adakah ia dilaksanakan dengan kesedaran terhadap aspek keindahan berteraskan Seni Visual atau tidak belum dapat ditentukan selagi tidak diukur melalui penyelidikan ilrniah.

Catan mural di SMK Badak ada yang telah berumur sehingga 15 tahun dan masih kekal di situ manakala yang terbaharu berumur hampir 2 tahun. Kemunculan catan mural yang banyak ini mungkin memberi kesan positif kepada kemampuan apresiasi dan penghargaan terhadap seni visual dalam kalangan murid di sekolah tersebut.

### **1.3 Objektif Kajian**

Berdasarkan masalah yang dibentangkan, maka penulis menyenaraikan beberapa objektif kajian antaranya termasuklah:-

1.3.1. Memerhati perkembangan seni catan mural di sekolah yang menjadi lapangan penyelidikan.

1.3.2. Meneliti kemampuan apresiasi seni visual dalam kalangan murid melalui seni catan mural di sekolah lapangan.

1.3.3. Melihat samada karya catan mural di sekolah membantu kurikulum dengan memberi pengalaman seni visual kepada murid.

### **1.4 Soalan Kajian**

1.4.1 Bagaimakah penghasilan seni mural di SMK Badak dilaksanakan ?

1.4.2 Apakah reaksi pelajar terhadap kewujudan seni mural di sekolah dari sudut apresiasi dan kritikan seni ?

1.4.3 Adakah pelajar menghayati seni mural sebagai satu elemen yang memberi nilai tambah bagi keceriaan di persekitaran sekolah ?

### 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian kaedah lapangan. Pengkaji akan menggunakan teknik pengumpulan data melalui pemerhatian, temu bual, perakaman visual dan dokumen. Lokasi kajian adalah di SMK Badak, Bachok, Kelantan. Responden yang terlibat termasuklah Pentadbir, guru PSV, dan sampel pelajar. Penyelidikan ini merupakan respon kepada kewujudan seni catan mural yang agak banyak di sekolah yang menjadi lapangan. Perbincangan akan berkisar tentang perihal yang berkaitan dengan seni mural tersebut termasuk pengkarya, gaya penampilan karya, pengolahan karya, bentuk dan makna karya.

### 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada perkembangan bidang PSV . Adalah diharap hasil kajian akan dapat-

- 1.6.1 Menjadikan persekitaran sekolah sebagai alat bantu alternatif yang seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran PSV di dalam kelas.
- 1.6.2 Mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar agar peka dengan kualiti persekitaran haxian yang berkait dengan elemen-elemen seni.
- 1.6.3 Mencetuskan kecenderungan dalam kalangan pelajar untuk menghargai seni catan mural di sekolah sebagai salah satu cabang pengkaryaan seni visual.

## 1.7 Definisi Operasional

Sebelum meneraskan penyelidikan ini,uraian tentang makna beberapa istilah yang mendasari tajuknya perlu dijelaskan.

### 1.7.1 Apresiasi

Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi ke IV (2007) menyatakan maksud apresiasi ialah penghargaan, pengiktirafan serta penghayatan nilai sesuatu karya sastera atau seni. Sementara perkataan mengapresiasi bermaksud memberikan penghargaan atau menghargai, mengiktiraf dan menghayati nilai sesuatu karya sastera atau seni.

Kamus dwibahasa Bahasa Inggeris- Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (1994) menjelaskan definisi 'appreciation' bermaksud Penghormatan, Penilaian, dan penghargaan terhadap karya seni dan Iain-lain.

Dalam kamus Oxford-Dictionary of Current English menyatakan maksud perkataan "*appreciation*" sebagai *Favourable of grateful recognition, Sensitive estimation or judgment, . Rise in value*".

Mohd Johari Abdul Hamid (2004) menyatakan ; Apresiasi seni ialah aktiviti seperti menonton, menghayati, atau apresiasi seni juga merupakan salah satu bidang kritikan seni. Beliau turut memetik tulisan Zakaria Ali (1998), bahawa penghargaan atau apresiasi seni adalah satu latihan yang memerlukan penglibatan sepenuhnya deria pandang dan sentuh. Impaknya penafsiran terhadap karya seni itu boleh difahami apabila kita berpeluang menghargainya.

### 1.7.2 Seni

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi III, (1997) menjelaskan istilah seni, bermaksud karya termasuk sajak, lukisan, muzik dan lain lagi yang dicipta dengan bakat atau kecekapan, dan hasil daripada sesuatu ciptaan. Seni menurut Ensiklopedia Malaysiana (1996) bermaksud istilah yang digunakan untuk sesuatu yang indah-indah. Mohd Johari dalam bukunya *Falsafah dan Kritikan Seni* (2004), memberi contoh sesuatu yang indah-indah pada panca indera itu ialah seperti lukisan, puisi, tarian, rekabentuk bangunan dan sebagainya. Beliau juga memetik pendapat Ibnu Khaldun bahawa seni itu adalah kebenaran, keindahan dan kebaikan dimana didalamnya terkandung ciri-ciri estetika, etika dan logika. C. Bagun dalam bukunya *Kritik Seni Rupa* (2001) menegaskan seni merupakan ekspresi yang paling kental dengan nilai penghayatan hidup. Beliau mengupas seni dari sudut fungsinya sebagai wadah untuk manusia melampiaskan ekspresi sama ada ada yang rasional maupun sebaliknya.

### 1.7.3 Catan

Catan merupakan salah satu hasil seni yang dibuat menggunakan bahan basah berdasarkan pigmen warna. Rujukan istilah dari Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka menyatakan maksud catan ialah lukisan yang dihasilkan dengan cat. Paul Hogarth dalam bukunya *The Artist Manual* (1997) menjelaskan pigmen dihasilkan daripada bahan semulajadi seperti arang, kapur, karang dan batuan berwarna yang dijadikati serbuk kemudian dicampur dengan bahan-bahan seperti air atau minyak menjadikannya cat, iaitu media untuk menghasilkan catan.

Catan dikatakan bermula di Greek kerana mereka telah mencipta berus dan warna (Johari, 2004). Catan zaman awal menggunakan bahan mozaik dan fresco dibuat untuk menghiasi ruang dalaman kediaman golongan bangsawan dan menghiasi dinding greja. Seni catan berkembang pada zaman awal kerana mendapat sokongan golongan kaya. Stefanie Penck dalam bukunya *Michel Angelo* (2005) menulis bahawa Michel Angelo seorang pelukis berkaliber pada masa itu diupah oleh seorang hartawan Lorenzo de Medici untuk memenuhi ruang dinding kediamannya dengan hasil seni catan. Ini memberi gambaran bahawa perkembangan awal seni catan adalah bermula dengan catan dinding atau mural.

Seni catan terus berkembang melalui beberapa period sehingga sekarang, bermula dengan peniruan objek sebenar seterusnya berubah mengikut aliran sem semasa mengikut zaman dengan menonjolkan pelbagai stail.

#### **1.7.4 Mural**

Menurut Seligman (1987) kebanyakan pengkritik seni bersetuju bahawa mural ialah sejenis karya seni samada dalam bentuk catan, mozek, kolaj, timbulan mahupun fotograf yang dihasilkan khusus untuk tempat tertentu saling melengkapi dengan senibina, dengan kata lain komposisinya mempengaruhi persekitaran dan sebaliknya.

Menurutnya lagi mural dihasilkan pada dinding atau siling ruang dalaman dan dinding luaran pada skala yang besar, kadang-kadang pada skala kecil. Catan mural akan kekal pada tempat ianya dihasilkan menjadikannya berbeza daripada catan atas kanvas yang boleh digantung dimana-mana pada bila-bila masa.

Tema mural adalah bebas contohnya ilusi lanskap, figura, tulisan, corak, dan sebagainya dipersembahkan dengan gaya penapilan sama ada realistik, semi abstrak mahupun abstrak.



## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bagi melengkapkan kajian ini beberapa penulisan yang berkaitan apresiasi, kritikan seni dan seni Mural akan dirujuk bagi meninjau bagaimana pandangan dan dapatan dari pengkaji-pengkaji terdahulu terhadap isu yang sama. Penulisan yang dirujuk ialah dalam bentuk artikel akhbar, jurnal dan buku-buku.

#### 2.2 Perkembangan Catan Mural

Merujuk kepada definisi mural itu sebagai karya pada dinding, adalah patut kita meneliti terlebih dahulu sejarah perkembangan lukisan dinding dengan mengambil kira penemuan lukisan dinding gua sebagai titik mula, Ahmad suhaimi dalam bukunya Sejarah Kesedaran Visual di Malaya, telah mengaitkan penemuan lukisan dinding gua sebagai bukti awal kesedaran visual di Malaysia.

"Penemuan lukisan-lukisan pra sejarah di dinding-dinding gua memberikan isyarat penting kepada kita mengenai perkembangan konsep visual dalam kalangan masyarakat sepanjang zaman di negara kita" (Suhaimi, 2007:14).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
Pernyataan ini turut sesuai diguna untuk merumuskan bahawa kecenderungan awal manusia untuk menghasilkan visual bermula dengan lukisan dinding atau mural; maka apresiasi mural turut penting untuk kita memahami kesan ransangan visual yang wujud di persekitaran manusia sejak zaman pra sejarah lagi. Dalam konteks penyelidikan ini lukisan dinding yang dikaji ialah catan mural yang telah dihasilkan pada dinding-dinding sekolah yang menjadi lapangan kajian.

Rujukan seterusnya ialah dari petikan akhbar The Star bertarikh 10 September 2006, muka surat 16 hingga 17 dengan tajuk *Getting Joe Public involved*, oleh Veronica Shunmugam. Melalui penulisan ini jurnalis cuba mencungkil kemampuan apresiasi seni terhadap seni awam (Public Art) dalam kalangan khalayak. Seni awam yang dimaksudkan ialah area awam dan seni mural. Beliau menemubual 22 sampel orang awam dari pelbagai later belakang kerjaya, tahap pendidikan, tahap umur dan tempat tinggal.

Penulis mengajukan persoalan sama ada sampel yang ditemubual sedar akan kewujudan karya seni awam di persekitaran mereka serta merangsang pendapat mengenai harga karya-karya tersebut berpatutan atau tidak dengan mendedahkan harga setiap karya kepada sampel.

Apa yang menarik dalam artikel ini ialah kesemua sampel mampu menyebut lokasi dan bentuk karya-karya seni awam di persekitaran mereka. Penulis juga berjaya memperolehi pendapat mengenai harga karya dimana kebanyakan sampel mengatakan harga karya awam yang disebut adalah terlalu mahal manakala segelintir yang menganggapnya berpatutan pula mengaitkan harga yang mahal

Melalui laporan itu juga penulis mengapresiasikan seni mural dengan meminta seorang ahli sejarawan seni T.K. Sabapathy membuat perbandingan antara mural Muzium Negara dengan mural Dewan Bahasa dan Pustaka yang dianggap sebagai mural terawal dan terbaik hingga kini.

*"The Museum murals are nationalistic propaganda, as opposed to the DBP murals which is non narrative and deliberate documentary mix done in a highly stylised and manneristic way"* (T.K. Sabapathy, The Star, Sept 2006)

Laporan akhbar yang sebegini merupakan salah satu bentuk apresiasi seni yang mampu memberi pendidikan kepada masyarakat yang menjadi khalayak kepada karya seni awam khususnya mural. Di sini apresiasi memainkan peranannya sebagai penghubung antara karya dengan khalayak.

Penyelidikan ini akan dibuat dengan kaedah yang hampir sama iaitu menemubual pelajar tentang karya mural di persekitaran sekolah mereka. Proses pengumpulan data melalui temu bual secara tidak langsung dapat mendekatkan pelajar dengan karya tersebut menjadikan karya lebih dinikmati oleh khalayak.

### 2.3 Perkembangan Apresiasi dan Kritikan Seni

Menurut Mohd Johari Abd Hamid dalam bukunya yang bertajuk Apresiasi dan kritikan seni visual apresiasi adalah aktiviti yang menjurus ke arah pemahaman bentuk dan isi karya seni. Dalam lapangan pedidikan seni visual di peringkat sekolah pemahaman karya seni meliputi kemampuan pelajar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
menghuraikan aspek-aspek formal terdiri dari unsur seni dan prinsip seni. Unsur seni terdiri dari garisan, jalinan, rupa, bentuk dan warna manakala prinsip rekaan pula terdiri dari harmoni,imbangan,kontra, penegasan, kadar, banding dan ekonomi.

"Aspek terpenting untuk memahami karya seni visual ialah apresiasi dan kritikan. Apresiasi atau penghayatan merupakan salah satu aktiviti melihat, merenung dan menghayati karya. Dalam proses menghayati itu berlaku juga proses menilai" (Johari,2008:4).

Penulis turut memperjelaskan empat strategi kritikan seni yang dipetik dari Feldman (1967) iaitu strategi diskripsi, strategi formalistik, strategi interpretasi, dan strategi evaluasi. Seterusnya dimuatkan apresiasi karya-karya dari dua belas orang pelukis tempatan. Strategi diatas akan digunakan dalam merangka soalan untuk temubual semasa proses pengumpulan data untuk penyelidikan ini. Sementara Rod Taylor (1992) dalam bukunya *Visual Arts In Education* turut mencadangkan strategi Feldman dalam mendekati karya seni dan menganggap model tersebut merupakan yang paling meluas digunakan.

" Berbilang model dan strategi kritikan seni telah dicadang untuk memudahkan prosesnya, namun yang paling meluas digunakan ialah model diskripsi, analisis, interpretasi dan penilaian oleh Feldman". (Taylor, 1992: 67).

Taylor turut menegaskan kepentingan pengajaran dan pembelajaran berkaitan apresiasi dan kritikan seni disekolah bermula dari kesedaran bahawa

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
majoriti pelajar yang melalui proses pendidikan di sekolah berpeluang mengalami sendiri proses penghasilan karya seni tetapi amat rendah pengetahuan mengenai pemahaman dan rasa kenikmatan terhadap dunia seni tampak. Satu projek yang dinamakan *Critical Studies in Art Education* (CSAE) dilancarkan pada tahun 1981 hingga 1984. Pemahaman dan kritikan seni visual akan melengkapkan pengetahuan pelajar yang telah menguasai kemahiran menghasilkan karya seni dengan teori dan falsafah seni visual Projek ini dilaksanakan dengan kolaborasi rapat antara pihak sekolah sekolah dengan galeri seni.

Md.Nasir Ibrahim (2006) dalam menjelaskan pendekatan *Discipline Based Art Education* (DBAE) menyatakan konsep DBAE ialah gabungan pelbagai disiplin seni dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu termasuk penghasilan seni, sejarah seni dan kritikan seni akan menghasilkan pengajaran yang lebih efektif.

Kedua dua model CSAE dan DBAE menekankan aspek penghasilan seni dan apresiasi seni serentak bagi membentuk deria seni yang mantap dalam kalangan murid. Kajian kes ini akan cuba mengesan kemampuan apresiasi sampel yang dipilih dengan meransang mereka menggunakan karya seni mural yang terdapat di lapangan.

## BAB 3

### METODOLOGI

#### 3.1 Pengenalan

Penyelidikan ini akan menggunakan kaedah kualitatif dengan mematuhi laras bentuk kajian dipilih. Bahagian ini akan menjelaskan tentang reka bentuk kajian, Fokus kajian, sumber dan cara pengumpulan data, instrumen kajian, prosedur kajian, serta pengumpulan dan analisis data. Bentuk penyelidikan yang dilaksanakan ialah dari jenis kajian kes dengan menganggap kewujudan seni mural di lokasi sebagai fenomena yang patut dikaji untuk menjelaskan apa-apa yang belum difahami tentang subjek berhubung tajuk kajian.

#### 3.2 Rekabentuk Kajian

Penyelidikan kualitatif berfokus kepada mencari makna fenomena sosial dengan tidak mengganggu situasi semulajadi mereka. Sebelum meneruskan kajian kes beberapa pertimbangan praktikal yang berkaitan harus dibuat iaitu mengenai apakah yang ingin dicari, fokus kajian dan bagaimana pengkaji yang lain membuat kajian mereka tentang topik yang hampir sama. Selain itu pertimbangan terhadap jangka masa, kos, sumber dan kemampuan turut diambil kira dalam merekabentuk